

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 1 (A71)**

Adakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan ke atas tapak pelupusan haram yang mencemarkan alam sekitar?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

SWCorp akan sentiasa berusaha untuk memerangi lokasi hotspot sampah haram di setiap daerah melalui pelaksanaan Operasi Pemantauan dan tangkapan dari semasa ke semasa. Operasi bersama agensi lain turut dilaksanakan. Namun, masalah sampah haram ini masih lagi berulang.

SWCorp turut menasihati orang ramai agar tidak membuang sampah/bahan binaan hasil dari aktiviti pengubahsuaian di lokasi yang tidak dibenarkan. Sisa-sisa tersebut perlu dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan yang dibenarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah saman yang telah dikenakan kepada pihak tidak bertanggungjawab di bawah Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada tahun 2018 adalah sebanyak RM54,000.00 bagi sepanjang 2018, dan 2 sebutan kes lagi akan dibawa ke mahkamah pada awal bulan Disember ini. Seterusnya akan terdapat lagi sebutan kes kesalahan dibawah Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 di mahkamah.

Saya menyeru semua orang merangkumi kontraktor atau orang awam tidak membuang sampah ke tapak pelupusan haram. Jika didapati bersalah, pihak yang tidak bertanggungjawab terbabit akan didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu Ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu Ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dibawah Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Akhirnya, saya juga menyeru tuan tanah tidak boleh membiarkan orang awam atau kontraktor membuang sampah di tanah sendiri dan menyebabkan kacau ganggu. Sekiranya didapati bersalah, pihak yang tidak bertanggungjawab terbabit akan didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dibawah Seksyen 75(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 2 (A5)**

Adakah urusan pengambilan Ketua-Ketua Kampung yang baru seluruh negeri Johor telah selesai sepenuhnya?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan perjawatan Ketua Kampung di Negeri Johor adalah sebanyak 670 jawatan. Jumlah perjawatan Ketua Kampung bagi sepuluh (10) daerah di Negeri Johor adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah Perjawatan Ketua Kampung
1.	Johor Bahru	45
2.	Muar	96
3.	Batu Pahat	173
4.	Segamat	59
5.	Kluang	38
6.	Pontian	88
7.	Kota Tinggi	50
8.	Mersing	28
9.	Tangkak	73
10.	Kulai	20
JUMLAH		670

Pelantikan Ketua Kampung di Negeri Johor telah bermula pada 16 Oktober 2018 yang lalu dan proses pelantikan masih diteruskan sehingga kini. Pelantikan Ketua Kampung ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut prosedur yang digariskan dalam Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 3 Tahun 2018 yang berkuatkuasa.

Sehingga 21 November 2018, sebanyak 546 calon Ketua Kampung telah diperakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi fasa pertama. Namun begitu, masih terdapat jawatan Ketua Kampung yang perlu diiklankan semula atas pelbagai sebab, misalnya calon yang berjaya menolak tawaran, tiada calon yang sesuai atau calon yang didapati tidak layak.

Pengisian jawatan Ketua Kampung bagi setiap daerah di Negeri Johor dijangka selesai dilaksanakan sebelum 31 Disember 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 3 (A145)**

Sejauh manakah kerajaan negeri serius untuk membangunkan industri ekonomi kreatif di Johor?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Selepas kerajaan baru terbentuk pada Pilihan Raya ke-14 yang lalu, Johor merupakan negeri pertama yang mewujudkan portfolio Ekonomi Kreatif. Ini merupakan penanda aras baharu baik di peringkat negeri mahupun persekutuan yang mana langkah ini merupakan satu komitmen yang serius oleh kerajaan negeri dalam mendepani cabaran baru dalam Revolusi Industri 4 atau IR 4.0.

Bagi makluman, langkah kedua yang akan dilaksanakan selepas ini ialah membuat satu kajian komprehensif mengenai latar dan potensi Ekonomi Kreatif di negeri Johor yang akan diterbitkan dalam bentuk Pelan Tindakan Ekonomi Kreatif Negeri Johor. Setakat hari ini, kita hanya bergantung kepada Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang telah dihasilkan di peringkat pusat.

Namun demikian, data dalam DIKN ini tidak memiliki maklumat yang jelas mengenai situasi industri kreatif di peringkat negeri Johor. Oleh kerana DIKN ini merupakan dokumen nasional, dasar ini melihat industri kreatif secara makro tanpa memberi penekanan kepada dimensi pemberdayaan komuniti yang lebih bersifat setempat.

Maka, menjadi hasrat kertas kerja ini untuk membangunkan pelan tindakan ekonomi kreatif yang lebih inklusif dan memiliki dimensi pemberdayaan komuniti seperti anak muda, wanita, orang asal dan lain-lain dengan penekanan kepada identiti bangsa Johor yang merupakan identiti rentas bagi seluruh warga Johor.

Pelan tindakan ini akan meliputi warisan kebudayaan dan warisan yang ketara dan juga tidak ketara (tangible and intangible) dan melihat potensinya dalam membangunkan ekonomi setempat melalui pelancongan kreatif, pengkomersialan produk, penjenamaan program dan sebagainya.

Pada masa yang sama, pelan tindakan ini akan memastikan satu model kerjasama yang berdaya maju antara komuniti, industri dan pihak kerajaan dapat diwujudkan bagi memastikan kelestarian pelan tindakan ini.

Dengan ketiadaan data dan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai industri kreatif di negeri Johor ini, maka usaha untuk membuat kajian ini amat diperlukan sebelum kerajaan merancang dan melaksanakan agenda pembangunan Ekonomi Kreatif pada masa hadapan.

Pelan Tindakan ini mengandungi maklumat lengkap mengenai ekosistem sedia ada di negeri Johor yang meliputi jumlah pemain industri kreatif baik yang aktif mahupun

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

yang tidak aktif secara lengkap. Ia juga akan memberi gambaran jelas sektor-sektor yang telah wujud meliputi pelbagai bidang.

Pelan Tindakan ini juga akan merangkumi analisis jurang (gap analysis) terhadap dasar dan program sedia ada di Negeri Johor agar Pelan Tindakan ini dapat diharmonikan dengan dasar-dasar lain dan tidak berlaku pertindihan mahupun percanggahan dasar. Selain itu, dokumen ini juga akan mengenal pasti amalan terbaik yang sedia dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dan agensi lain di luar Johor (dalam negara dan luar negara) untuk dikembangkan manfaatnya dalam usaha mencadangkan model ekonomi kreatif yang dapat menghubungkan penglibatan aktif serta bermakna antara komuniti, industri dan juga agensi kerajaan. Menerusi kajian ini, kerajaan akan dapat memperolehi maklumat yang terkini dan lebih jelas bagaimana potensi industri kreatif Johor ini dapat dibangun dan dikembangkan untuk manfaat industri, negeri dan semestinya oleh rakyat Johor.

Pelan Tindakan Ekonomi Kreatif ini akan menyediakan satu kerangka pelaksanaan lima tahun dalam mencapai matlamat menjadikan Johor sebagai hub ekonomi kreatif yang penting di rantau ini.

Kita tidak mahu melaksanakan apa-apa projek pembangunan ekonomi kreatif tanpa dasar yang jelas yang akan menyebabkan usaha kerajaan akan tersasar dari matlamat sebenarnya. Ingin dinyatakan bahawa, inilah komitmen kerajaan dalam merangka dan membangunkan Industri Kreatif yang menjadi tulang belakang Ekonomi Kreatif.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 4 (A194)**

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tanah-tanah wakaf yang terbiar dan tidak digunakan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Pembangunan tanah wakaf tertakluk kepada hujah (tujuan) sesuatu wakaf tersebut. Kebanyakan wakaf adalah dalam bentuk wakaf khas seperti tapak masjid, surau, perkuburan dan sekolah agama. Sekiranya sesuatu tapak itu masih kosong ianya tidak bermakna tidak dibangunkan tetapi masih menunggu masa yang bersesuaian atau masih belum mempunyai peruntukan untuk dibangunkan dengan pembinaan masjid, surau atau sekolah agama.

MAINJ melalui kelulusan fatwa boleh membenarkan penggunaan tapak wakaf khas untuk dibangunkan dengan pembangunan sementara seperti tanaman kontan dan ternakan sekiranya ia masih belum digunakan. Bagi tapak wakaf am yang berpotensi, MAINJ akan membangunkan dengan projek ekonomi mengikut kesesuaian.

Di antara cadangan projek yang telah dirancang bagi pembangunan tanah wakaf MAINJ ialah :

1. Projek Pembinaan Kompleks Darul Ukhwah di atas PTD 116795 tapak wakaf Sekolah Agama Taman Mutiara Rini Mukim Pulai Daerah Johor Bahru yang akan digunakan sebagai pusat aktiviti dan latihan asnaf Muallaf.
2. Projek Pembinaan Rumah Orang-orang Tua bagi menempatkan warga tua Muslim yang tiada ahli keluarga dan waris yang menjaganya di atas tapak PTD 25810 Mukim Pulai bersebelahan Masjid Taman Perling, Johor Bahru seluas 5 ekar. Rumah ini boleh menempatkan seramai 100 orang warga tua.

Selain itu terdapat 3 cadangan projek dengan kerjasama Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (Agama)

- i) Pembinaan apartmen 5 tingkat di atas PTD 25810, Mukim Pulai, Tapak Masjid Taman Perling, Johor Bahru. Memberikan kemudahan kepada umat Islam khususnya bagi mendapatkan kemudahan tempat tinggal pada kadar sewaan yang rendah di samping menikmati infrastruktur yang selesa dan selamat.
- ii) Pembinaan Ruang Niaga 5 Tingkat & Pusat Dialisis di atas tanah wakaf Masjid Kota Tinggi di atas PTB 3250, Kota Tinggi, Johor. Ianya bertujuan membantu meringankan beban penerima asnaf dari golongan fakir miskin

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

yang ternyata tidak mampu membelanjakan amaun yang cukup besar untuk menanggung kos perubatan yang tinggi.

- iii) Pembinaan Kompleks Fakir Miskin dan Ruang Industri Kecil & Sederhana di atas Lot PTD 6203, Mukim Bandar Mersing, Mersing. Bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Islam di dalam negeri Johor untuk memahirkan diri di dalam industri ringan di dalam menjana pendapatan dan diberi keutamaan kepada golongan asnaf yang komited untuk berusaha membaiki kehidupan

Di atas tapak PTD 25810 Mukim Pulai yang sama juga MAINJ dengan kerjasama Yayasan Wakaf Malaysia merancang untuk membina Francais Wakaf Mart iaitu bentuk pembangunan ruang niaga yang menyediakan pelbagai jenis perniagaan untuk orang ramai dan diusahakan oleh usahawan Muslim, golongan fakir, dan asnaf yang berdaya maju untuk meningkatkan pendapatan.

Selain itu, melalui usahasama bersama Perbadanan Islam Johor (PIJ), MAINJ merancang untuk melaksanakan satu Projek Pembangunan Perumahan di atas LOT 17458 Jalan Tahana Bandar Baru UDA, Mukim Bandar Daerah Johor Bahru sebagai pilihan untuk rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana.

Bagi perancangan pembinaan sekolah agama di seluruh negeri Johor, MAINJ bekerjasama bersama Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ). Ia bertujuan untuk menampung segala keperluan tempat belajar dan kelengkapan disebabkan bilangan pelajar yang semakin meningkat setiap tahun di negeri Johor. Sebanyak **95 buah** sekolah agama telah disiapkan di bawah Fasa 1 hingga Fasa 4 dan kini dalam proses menyiapkan 30 unit sekolah lagi di bawah Fasa ke-5 menjadi jumlah keseluruhan sebanyak 125 buah sekolah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 5 (A108)**

Apakah usaha secara intensif yang bakal dilaksana bagi memastikan kawasan utara Johor menjadi kawasan penternakan lembu yang besar di rantau ini?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Dalam halatuju tahun 2025, JPVNJ telah merangka strategi secara holistik dan intensif bagi membangunkan industri penternakan lembu di negeri Johor. Perancangan ini bagi meningkatkan populasi lembu pada masa kini sebanyak 92,000 ekor pada tahun 2018 kepada 102,300 ekor menjelang tahun 2025 dengan kenaikan sebanyak 10%.

Kawasan Utara Johor merujuk kepada daerah Muar, Tangkak dan Segamat. Ketiga-tiga daerah ini menyumbang sebanyak 31,450 (34%) ekor lembu berbanding dengan jumlah keseluruhan populasi negeri Johor. Ini kerana letaknya kawasan TAC di bawah penternakan lembu secara integrasi yang menyumbang 60% pengeluaran lembu negeri Johor.

Pihak jabatan mengambil beberapa langkah dan usaha intensif bagi membangunkan lembu di kawasan utara Johor dengan kaedah berikut :

- i. Daerah Segamat telah difokuskan sebagai Hub Pembangunan Pertanian yang merangkumi penekanan dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan ini bermaksud setiap tahun ada bajet khas bagi pembangunan industri penternakan lembu.
- ii. Pihak jabatan telah mengenalpasti kawasan industri perladangan secara integrasi dengan menggalakkan dan mengiatkan penglibatan pihak swasta dalam menjayakan industri penternak lembu negeri Johor.
- iii. Pihak jabatan telah membangunkan Pusat Agro-Vet bagi mewujudkan rangkaian pemasaran, pusat pengumpulan, lelongan dan penjualan ternakan antara penternak dan pemborong.
- iv. Meningkatkan penternakan lembu fidlot dengan kerjasama pihak persekutuan. Menggunakan kandang-kandang Ladang Satelit secara intensif dengan pengisian penuh sebanyak 17 unit kandang lembu ladang satelit di daerah Muar dan Segamat akan meningkatkan jumlah penternakan lembu di negeri Johor. Dimana kapasiti bagi satu kandang / setahun (600 ekor/tahun). Oleh itu penggunaan penuh ladang satelit akan menghasilkan 10,200 ekor setahun.
- v. Pihak jabatan berusaha meningkatkan kemahiran dalam aspek penyampaian teknologi secara berkesan melalui pengembangan veterinar yang lebih tersusun dan sistematik. Ini dibuktikan dengan JPV Johor telah menjadi juara keseluruhan bagi program Pengembangan Veterinar Peringkat Kebangsaan. Kejayaan ini akan diterap untuk membangunkan minda pengusaha kepada penternakan yang berdaya saing dan berdaya maju.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 6 (A143)**

Nyatakan statistik kemasukan pelancong ke negeri Johor mengikut pecahan domestik dan antarabangsa, negara asal, daerah yang dikunjungi, tujuan lawatan dari tahun 2008-2018.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kedudukan negeri Johor yang sangat strategik iaitu terletak dibahagian paling selatan Semenanjung Malaysia dan berjiran pula dengan negara Singapura telah menjadikan negeri ini sebagai salah satu pintu masuk utama pelawat atau pelancong antarabangsa ke Malaysia.

Statistik jumlah kemasukkan pelawat atau pelancong antarabangsa mengikut 10 buah negara utama bagi tahun 2010 hingga 2018 yang diperolehi dari Jabatan Imigresen Negeri Johor adalah sepertimana dalam lampiran A.

Manakala jumlah pelancong domestik dan antarabangsa yang bermalam di negeri Johor berdasarkan data yang diperolehi dari Tourism Malaysia melalui 'hotel survey' dengan izin dari tahun 2008 hingga 2018 adalah sepertimana berikut :-

TAHUN	PELANCONG		JUMLAH
	DOMESTIK	ANTARABANGSA	
2008	3,687,026	1,706,587	5,393,613
2009	1,928,893	1,597,098	3,525,991
2010	2,051,955	1,566,977	3,618,932
2011	2,003,611	1,781,765	3,785,376
2012	2,162,130	1,794,729	3,956,859
2013	3,138,895	2,631,675	5,770,570
2014	4,023,691	2,402,884	6,426,575
2015	4,388,235	2,565,092	6,953,327
2016	4,431,801	2,581,983	7,013,784
2017	4,780,989	2,624,972	7,405,961
2018 (Jan – Jun)	2,391,507	1,022,814	3,414,321

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat lima daerah utama yang sering dikunjungi oleh pelancong domestik dan antarabangsa di negeri Johor adalah sepertimana berikut iaitu :-

1. Daerah Johor Bahru
2. Daerah Kota Tinggi
3. Daerah Mersing
4. Daerah Pontian
5. Daerah Muar

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

Kerajaan negeri melalui Tourism Johor mendapati bahawa antara tujuan kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa ke negeri Johor adalah sepertimana berikut :

1. Percutian atau berehat
2. Membeli-belah dan hiburan
3. Makanan
4. Mendapatkan rawatan perubatan
5. Menghadiri mesyuarat, seminar atau acara
6. Melawat rakan dan saudara

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 7 (A6)

Bilakah kerja-kerja menaikkan taraf dari 2 lorong kepada 4 lorong Lebuhraya Senai - Desaru dari Persimpangan Cahaya Baru ke Persimpangan Bandar Penawar akan dilaksanakan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Pihak Kerajaan Pusat telah menengguhkan kerja-kerja pelebaran tersebut kepada tarikh yang belum ditetapkan.

Pada 12 Disember 2017, Menteri Kerja Raya pada waktu itu telah mengumumkan bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM390 juta untuk kerja – kerja menaiktaraf dan melebarkan Lebuhraya Senai – Desaru daripada dua lorong kepada empat lorong melibatkan jarak 26 kilometer bermula dari Persimpangan Cahaya Baru ke Persimpangan Bandar Penawar. Menurut perancangan,

tender akan dibuka setelah Kementerian Kerja Raya memuktamadkan *Value Assessment and Design* untuk projek tersebut.

Bagaimanapun, satu sesi libat urus antara Kementerian Kewangan bersama Kementerian Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi telah diadakan pada 17 Julai 2018 untuk mengenalpasti senarai projek-projek Kementerian Kerja Raya yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima dan penjimatan daripada projek tersebut. Hasil daripada sesi tersebut, projek naiktaraf dan pelebaran Lebuhraya Senai-Desaru telah dibatalkan.

Oleh kerana naiktaraf dan pelebaran Lebuhraya Senai-Desaru adalah penting bagi menyokong pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Petroleum Complex, PIPC*) dan menangani kadar aliran trafik yang semakin meningkat seiring dengan kepesatan pembangunan tersebut, Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) akan terus berbincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pertimbangan meneruskan projek naiktaraf dan pelebaran Lebuhraya Senai-Desaru

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN 8 (A10)**

Pembangunan Johor yang bersifat inklusif tidak seharusnya meminggirkan mana-mana golongan sasaran. Adakah Kerajaan Negeri pada hari ini memberi fokus kepada pembangunan Golongan Orang Asli dari segi ekonomi, taraf hidup dan pendidikan dan apa langkah yang telah diambil untuk memastikan perkara tersebut?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman, jumlah perkampungan Orang Asli Negeri Johor adalah sebanyak 60 buah kampung melibatkan 3508 keluarga dengan jumlah keseluruhan penduduk seramai 14,619 orang. Pecahan suku kaum masyarakat Orang Asli di negeri Johor adalah melibatkan suku kaum Jakun, Kuala, Seletar, Kanaq, Temuan dan lain-lain suku kaum. Mereka juga menganut pelbagai agama iaitu Islam, Animisme, Kristian dan Buddha. Antara kemudahan-kemudahan asas yang ada di perkampungan Orang Asli adalah Tabika, bekalan elektrik TNB, bekalan air SAJ, balai rawatan, transit kesihatan, rumah penggerak Jabatan Agama Islam Johor (JAINJ), Sekolah Agama (JAINJ), jeti nelayan, jalan tar di dalam kampung dan jalan tar menuju ke perkampungan, rumah pprrt, surau dan balai raya.

Untuk makluman, Kerajaan Negeri Johor telah menyalurkan peruntukan-peruntukan kepada masyarakat Orang Asli sebagaimana berikut :-

Tahun 2015 - RM 100,000.00
Tahun 2016 - RM 100,000.00
Tahun 2017 - RM 150,000.00

Bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 anantara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan adalah Program Masyarakat Orang Asli Bersama Agensi / Jabatan Kerajaan, Program Pendidikan Bersama Komuniti Orang Asli yang melibatkan pelajar Orang Asli, belia & beliawanis serta kanak-kanak Orang Asli, lawatan sambil belajar Tok-Tok Batin & MPKKOA ke Sarawak (Tahun 2017) dan program-program kemasyarakatan dan ramah mesra bersama masyarakat Orang Asli di semua peringkat daerah masyarakat Orang Asli negeri Johor bersama Kerajaan Negeri Johor.

Tahun 2018

- Projek Ekonomi Rakyat (ERA) melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta`zim (YPK)
- Projek Fertigasi Cili melibatkan Kg. Orang Asli, Kg. Dalam, Parit Sulong, Batu Pahat
- Projek Lebah Kelulut melibatkan Kg. Orang Asli Putting, Segamat, Kg. Orang Asli Sayong Pinang, Kota Tinggi, Kg. Orang Asli Searak Api, Muar dan Kg. Orang Asli Pengkalan Tereh, Kluang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

Untuk makluman, projek-projek ini mampu untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan masyarakat Oran Asli.

Selain itu, bagi Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) turut mengambil berat akan keperluan dan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Pada tahun ini JAKOA telah memperuntukkan sebanyak RM130,000.00 di bawah Program Bimbingan Usahawan melalui skop bantuan penyediaan peralatan perniagaan, penyediaan premis atau bangunan perniagaan dan strategi perniagaan. Melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) usahawan-usahawan Orang Asli akan mengikuti kursus-kursus seperti pengendalian koperasi, Kursus Program Inap Desa dan Eko-Pelancongan sepanjang tahun 2018 ini.

Untuk makluman, di bidang pendidikan JAKOA turut mengadakan program-program kecemerlangan pendidikan kepada pelajar-pelajar Orang Asli yang mengambil peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan tuisyen rakyat melibatkan peruntukkan sebanyak RM 90,000.00.

Selain itu, pihak JAKOA juga turut menyalurkan peruntukkan kepada pelajar Orang Asli seperti wang saku pelajar sekolah menengah sebanyak RM2.00 sehari, tambang pengangkutan pelajar Orang Asli ke sekolah pergi dan balik dan bantuan pendidikan bermula di peringkat sekolah rendah, menengah dan biasiswa ke IPTA.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 9 (A46)**

Bagaimanakah prestasi serta jumlah kutipan zakat dan perbelanjaannya di Negeri Johor sehingga kini dan unjurannya sehingga penghujung 2018?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Majlis Agama Islam Negeri Johor mensasarkan pungutan zakat sebanyak RM 270 juta bagi tahun 2018 ini. Pencapaian kutipan zakat negeri Johor sehingga **31 Oktober 2018** ini ialah sebanyak RM 214,734,952.21 yang meliputi zakat harta sebanyak RM 199,671,015.21 dan zakat fitrah sebanyak RM 15,063,937.00. Perincian pungutan mengikut jenis zakat adalah sebagaimana berikut :

Jenis Zakat	Kutipan 2018 (RM)
Pendapatan	94,673,294.74
Wang Simpanan	47,752,388.08
Perniagaan	55,154,386.81
Emas & Perak	869,394.56
Tanaman	142,033.01
Ternakan	211,883.50
Rikaz	8,474.20
Saham	806,709.31
Kwsp	52,451.00
Jumlah	199,671,015.21
Fitrah	15,063,937.00
Jumlah	214,734,952.21

Berdasarkan prestasi kutipan semasa, pentadbiran MAINJ optimis akan mencapai sasaran yang ditetapkan dan dalam masa yang sama memperhebatkan lagi dakwah dan kempen zakat di kalangan masyarakat Islam di Johor seterusnya memastikan aktiviti kebajikan asnaf yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Bagi agihan zakat pula, sehingga 31 Oktober 2018, MAINJ telah mengagihkan sebanyak RM 196,320,987.04 untuk aktiviti semua asnaf sebagaimana perincian berikut :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

Asnaf	Belanja (RM)
Fakir	35,892,307.50
Miskin	71,814,087.56
Amil	20,636,122.64
Muallaf	14,123,159.61
Gharim	1,395,890.10
Ibnu Sabil	452,553.90
Fi Sabilillah	52,006,865.73
Riqab	-
Jumlah	196,320,987.04

Agihan zakat ini adalah sebahagian daripada bajet 2018 yang telah belanjakan iaitu 68% daripada RM 279,319,020.00 yang diperuntukan bagi tahun 2018. Perbelanjaan ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa kerana MAINJ mempunyai tanggungan tetap yang perlu bayar kepada asnaf setiap bulan seperti bantuan sara hidup bulanan, bantuan perubatan bulanan dan bantuan-bantuan lain yang sedang dilaksanakan kepada asnaf.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi bantuan sara hidup bulanan, seramai 15,561 asnaf fakir dan miskin di seluruh Johor sedang menerima bantuan ini dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM 65 juta setahun.

Bagi bantuan perubatan pula, di bawah skim bantuan rawatan buah pinggang, seramai 4,143 pesakit buah pinggang menerima bantuan rawatan hemodialisis dengan perbelanjaan RM 51 juta setahun. Juga untuk bantuan pelbagai rawatan yang lain sebanyak RM 19 juta dibelanjakan kepada lebih 3,000 pesakit yang ditanggung oleh wang zakat ini setiap tahun.

Dengan tidak mengabaikan pendidikan anak-anak asnaf juga, MAINJ memperuntukan sebanyak RM 17.2 juta setahun untuk bantuan pendidikan yang meliputi bantuan yuran sekolah RM 1.2 juta, bantuan pakaian seragam sekolah RM 5 juta, bantuan pendaftaran di IPT RM 3 juta, bantuan dermasiswa pelajar luar negara RM 2 juta, pinjaman pendidikan pelajar perubatan di Timur Tengah RM 5.7 juta dan sumbangan pelajaran am RM 300,000.00.

Kesemua yang dilaksanakan ini adalah daripada peruntukan wang zakat dan tidak akan dapat dicapai jika sasaran kutipan zakat tidak dicapai.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 10 (A27)**

Apakah rancangan PBT untuk menyelesaikan masalah hostel pekerja warga asing?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Garis panduan dan Piawaian Perancangan Pekerja Asing telah disediakan oleh PLANMalaysia @Johor dan telah dipertimbangkan untuk digunapakai pada 21 Julai 2008 oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 1/2008. Pemakaian Garispanduan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan garis panduan seragam bagi penempatan warga asing secara kekal dan berpusat di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam Iskandar Malaysia.

Garis panduan ini juga adalah sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Iskandar Malaysia (IRDA), agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan, pemaju dan pihak pengurusan dalam merancang pemajuan, dan pelaksanaan pembangunan penempatan pekerja asing. Penempatan pekerja asing yang dibenarkan di dalam garis panduan tersebut adalah hostel (dormitori) dan Apartment dengan kriteria pemilihan tapak tidak dibenarkan di kawasan perumahan. Selain itu, kepadatan yang dibenarkan bagi sesebuah penempatan pekerja asing hendaklah tidak melebihi 5000 orang warga asing.

Masalah kekurangan hostel pekerja asing perlu ditangani bersama oleh semua pihak yang berkaitan agar tidak menimbulkan kacauganggu kepada masyarakat dan memberi gambaran negatif kepada imej negara kita.

Di peringkat PBT, penyediaan hostel pekerja asing yang mencukupi merupakan salah satu agenda utama untuk dilaksanakan bagi menjaga kesejahteraan dan keselamatan pekerja asing.

Bagi menyokong komitmen tersebut, mengambil contoh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), telah menyediakan 'Rancangan Kawasan Khas (RKK) Perindustrian MBJB' yang mengambilkira 38 kawasan perindustrian dalam pentadbiran MBJB dengan keluasan kira-kira 10,730.08 ekar.

Dalam kajian RKK ini, telah dicadangkan lokasi pembinaan hostel pekerja asing di kawasan perindustrian berskala besar seperti di kawasan Perindustrian Tebrau IV, Desa Cemerlang, Tampoi, Maju Jaya dan Plentong. Berdasarkan statistik terkini, sebanyak 6 buah hostel pekerja asing telah beroperasi dan 3 buah lagi telah diluluskan dan akan dibangunkan dalam masa terdekat.

Selain itu, pihak Majlis juga mensyaratkan dalam Kebenaran Merancang (KM) agar pemaju menyediakan hostel pekerja asing bagi pembangunan kawasan perindustrian baru keluasanya melebihi 20 ekar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

Seterusnya, bagi kawasan perindustrian yang lama dan telah beroperasi, pihak swasta digalakkan membina hostel pekerja asing secara berpusat bagi disewa kepada pengusaha kilang-kilang yang mempunyai pekerja asing.

Di samping itu, adalah dimaklumkan bahawa sehingga Oktober 2018, Bahagian Penguatkuasa MPKu menerima 6 aduan awam berkaitan dengan isu masalah asrama pekerja. Antara bentuk aduan yang diterima adalah mengalami isu kebersihan di kawasan asrama, Pembuangan sampah-sarap oleh pekerja-pekerja asing, masalah sosial dikalangan pekerja asing.

Tindakan telah diambil dengan mengeluarkan 68 Notis peringatan dan 56 Kompaun terhadap majikan dan agen pekerja kerana kegagalan mematuhi arahan dan undang-undang. Peraturan dan tindakan telah dilaksanakan di kawasan penempatan asrama pekerja di kawasan Perindustrian Desa Idaman, kawasan perindustrian murni dan kawasan kelapa sawit bagi memastikan asrama-asrama pekerja ini berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan.

Majikan dan agen pekerja juga dinasihatkan agar kerap memantau asrama-asrama pekerja mereka secara mingguan agar sentiasa peka terhadap aspek kebersihan, keselamatan dan sosial pekerja mereka. Mereka juga disyor agar kerap mengadakan gotong royong di kawasan asrama bagi menjaga, menyelia agar lebih kemas dan tersusun bagi mengelakkan daripada penyakit.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 11 (A207)**

Singapura sebagai negara jiran yang paling dekat dengan Johor, telah menarik 17 juta pelawat dalam tahun 2017. Sila nyatakan langkah-langkah untuk menggalakkan pelawat ini juga melawat Negeri Johor.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Statistik jumlah kemasukkan pelawat atau pelancong antarabangsa melalui pintu-pintu masuk negeri Johor bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 yang diperolehi dari Jabatan Imigresen Negeri Johor mencatatkan **peningkatan sebanyak 7.3% iaitu seramai 7.5 juta orang berbanding 7 juta orang pada tahun 2017.**

Daripada jumlah tersebut, pelawat atau pelancong dari negara Singapura mencatatkan kemasukkan paling tinggi iaitu seramai 5.6 juta orang diikuti negara Indonesia seramai 690,998 dan negara China seramai 386,778 orang.

Justeru itu, kerajaan negeri melalui pelbagai agensi secara berterusan mempertingkatkan usaha untuk menarik pelawat atau pelancong antarabangsa khususnya warganegara Singapura yang menggunakan pintu-pintu masuk negeri Johor untuk masuk ke Malaysia agar datang, bermalam dan berbelanja di negeri ini.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri adalah sepertimana berikut :-

1. Memperhebatkan kempen promosi dan pemasaran pelancongan negeri Johor melalui penyertaan di dalam pameran-pameran pelancongan yang diadakan di Singapura. Untuk makluman pada tahun ini kerajaan negeri telah menyertai pameran pelancongan Malaysia Truly Asia pada 24 – 26 Ogos 2018, Travel Malaysia pada 19 – 21 Oktober 2018 dan ITB Asia pada 17 – 19 Oktober 2018.
2. Memperbanyakkan penganjuran acara-acara pelancongan yang dapat menarik warganegara Singapura untuk datang atau menyertai acara berkenaan seperti Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang, 113 Desaru-Malaysia Triathlon, Iskandar Puteri Challenge dan sebagainya.
3. Menganjurkan program lawatan pengenalan atau fam trip dengan izin kepada agensi pelancongan dan media Singapura. Pada tahun ini, kerajaan negeri telah menganjurkan satu sesi lawatan pengenalan atau fam trip dengan izin kepada agensi pelancongan dan media Singapura iaitu pada 23 April 2018. Melalui program ini para peserta diberi pendedahan serta dibawa melawat tempat-tempat tarikan pelancongan yang terdapat disekitar Bandaraya Johor Bahru.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

4. Mempelbagaikan produk pelancongan negeri Johor dimana sebagaimana yang kita sedia maklum terdapat beberapa projek pembangunan berkaitan pelancong pada masa kini telah dan sedang dibangunkan dinegeri Johor seperti projek pembangunan Desaru Coast.
5. Kerajaan negeri melalui Tourism Johor akan mengadakan kerjasama dengan Tourism Malaysia di Singapura untuk memperhebatkan kempen pengiklanan dan promosi pelancongan negeri Johor khususnya di media massa Singapura.
6. Membangunkan pakej-pakej pelancongan negeri Johor yang kreatif dan menarik untuk dipasarkan di negara Singapura.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 12 (A78)**

Berdasarkan aduan serta pemerhatian yang telah dilakukan, tahap perkhidmatan serta etika kakitangan khususnya di unit kecemasan hospital awam agak mengecewakan. Apakah kadar masa maksima menunggu sebelum pesakit menerima rawatan dan apakah pelan perancangan bagi menaiktaraf mutu perkhidmatan dan jabatan terbabit?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Jabatan Kecemasan dan Trauma mengamalkan sistem triage untuk semua pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Sistem triage berfungsi untuk mengkategorikan pesakit mengikut tahap keseriusan penyakit di mana pesakit yang lebih kritikal akan lebih diberi keutamaan untuk dilihat dan dirawat terlebih dahulu berbanding pesakit yang tidak kritikal.

Secara umumnya, masa untuk pesakit menunggu untuk dilihat oleh staf di jabatan ini adalah :-

Pesakit kategori Kritikal	:	Dilihat serta merta	Pesakit kategori Semi Kritikal
	:	30 minit	
Pesakit Kategori Bukan Kritikal	:	90 minit	

Walau bagaimanapun, masa menunggu bagi pesakit kategori bukan kritikal selalunya melebihi dari 90 minit berikutan bilangan pesakit yang terlalu ramai berbanding pegawai perubatan / staf jabatan serta banyak klinik kesihatan / swasta yang tidak beroperasi terutamanya selepas waktu pejabat dan hari minggu / kelepasan am berbanding jabatan ini yang beroperasi tanpa henti selama 24 jam sehari.

Melalui inisiatif LEAN Healthcare yang diperkenalkan pada tahun 2015, terdapat beberapa langkah penambahbaikan yang telah dijalankan untuk mengurangkan masa menunggu pesakit antaranya permohonan pertambahan bilangan pegawai perubatan dan staf jabatan, memperkenalkan waktu kerja anjal (flexi hours) bagi pegawai perubatan ketika waktu puncak, memperkemaskan sistem rujukan pesakit dari klinik kesihatan, memperbaiki sistem kemasukan dan discaj pesakit untuk wad perubatan, melanjutkan operasi klinik kesihatan selepas waktu pejabat dan memperkenalkan sistem pendaftaran elektronik untuk mempercepatkan proses pendaftaran pesakit.

Pun begitu, kesedaran masyarakat perlu dipupuk lagi agar tidak menyalahgunakan jabatan kecemasan dan trauma bagi kes-kes yang bukan kecemasan / cold cases.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB DATO' SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 13 (A124)**

Berapa ramai wanita yang telah dilantik sebagai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) mengikut Dun dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam proses membuat keputusan di peringkat komuniti?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) hendaklah dianggotai oleh seorang (1) Pengerusi, seorang (1) Setiausaha dan sebelas (11) Ahli Jawatankuasa menjadikan jumlah keseluruhan anggota MPKK tiga belas (13) ahli.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah menetapkan beberapa *Key Performance Indicator* (KPI) dalam pelantikan anggota MPKK supaya ianya selaras dengan dasar baharu Kerajaan. Salah satu KPI pelantikan anggota MPKK adalah anggota MPKK perlu diisi sekurang-kurangnya 30% wanita. Kerajaan Negeri Johor amat komited dalam memastikan KPI ini dipatuhi dalam urusan pelantikan anggota MPKK di Negeri Johor.

Proses pelantikan anggota MPKK masih dalam tindakan untuk diselesaikan di setiap daerah memandangkan jawatan Ketua Kampung sebagai Pengerusi MPKK baharu sahaja diisi bermula 16 Oktober 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 14 (A61)**

Minta penjelasan kedudukan status fahaman syiah di Negeri Johor. Berapakah ramai jangkakan pengikut fahaman syiah di Negeri Johor. Adakah kerajaan Johor mengiktiraf fahaman ini. Jika tidak apakah langkah yang diambil membendung fahaman ini menular di Negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Pendirian Kerajaan Johor amat Terang dan Jelas, iaitu Kerajaan Johor **tidak mengiktiraf** fahaman ini . Kerajaan mengakui di dalam negeri johor masih terdapat sebilangan kecil rakyat yang berfahaman Syiah di Johor.walau bagaimanapun keadaan ini **masih terkawal**. Pemantau berterusan serta pelbagai usaha telah dijalankan dalam menyekat pengembangan fahaman Syiah, Jadi gerakan ini hanya berlegar dikalangan ahli keluarga tersebut sahaja.

Kerajaan Johor **tidak mengiktiraf** fahaman ini. Fahaman syiah ini telah difatwakan dan diwartakan pada 09 Oktober 2014 bahawa ajaran syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Daripada 2013 – 2017 sebanyak 48 kes aduan yang telah ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor berkaitan isu Syiah.

Pendakwaan terhadap beberapa kes berkaitan fahaman syiah antaranya :

- i) Pertuduhan di bawah Seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 terhadap 4 Orang Kena Tuduh di Mahkamah Rendah Syariah Johor Bahru. Namun yang demikian, pertuduhannya telah ditarik balik kerana ketidakcukupan bahan bukti.
- ii) Pertuduhan di bawah Seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 terhadap 4 Orang Kena Tuduh di Mahkamah Rendah Syariah Kluang dan masih sedang di dalam prosiding perbicaraan.
- iii) Terdapat 2 kes lain yang masih dalam penelitian untuk dituduh.

Jabatan Agama Islam Negeri Johor sentiasa mengikuti perkembangan fahaman Syiah di Negeri Johor bagi memastikan ia tidak menular dalam masyarakat di Negeri ini dengan menjalinkan kerjasama dengan agensi agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negeri Johor (MKNJ), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Risikan Malaysia (ATM), Jabatan Mufti Johor, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. **Antara tindakan yang diambil :**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

1. Mengadakan Mesyuarat Keselamatan dan Isu isu Semasa bersama agensi agensi kerajaan 3 kali setahun bagi memaklumkan dan mengawal ancaman fahaman ini.
2. Membuat pemantauan dari masa ke semasa terutama di lokasi-lokasi yang disyaki.
3. Mengadakan kunjungan dan ziarah ke rumah mereka yang diadu atau disyakki pengikut Syiah.
4. Mengadakan seminar, forum dan diskusi penjelasan tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bahaya Syiah dalam masyarakat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB DATUK HAJI MD. OTHMAN BIN HJ. YUSOF (KUKUP)
SOALAN 15 (A135)**

Adakah kerajaan negeri Johor merancang menggalakkan kemasukan pelancong pemancing ke negeri ini dengan mewartakan sebahagian laut sebagai kawasan bebas dari penggunaan semua jenis pukut dan jaring ikan? Sebagai contoh, 15km radius di sekitar Pulau Pisang boleh dikhususkan sebagai kawasan memancing.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri merasakan bahawa aktiviti memancing mempunyai potensi besar untuk dijadikan sebagai tarikan pelancongan di negeri ini. Ini kerana 70% keadaan Negeri Johor dikelilingi dengan kawasan berair atau lautan. Selain daripada itu, kawasan-kawasan tersebut juga amat sesuai, selamat dan kaya dengan pelbagai jenis ikan kerapu, pari, jenahak, tenggiri dan sebagainya. Aktiviti memancing ini juga dilihat secara tidak langsung juga dapat membantu meningkatkan sosio ekonomi masyarakat setempat khususnya para nelayan, pengusaha chalet, peniaga peralatan memancing dan pengusaha bot.

Namun begitu, buat masa ini Jabatan Perikanan negeri Johor tiada mempunyai perancangan untuk mewartakan sebahagian kawasan laut sebagai kawasan bebas dari penggunaan semua jenis pukut dan jaring ikan. Sebaliknya pihak Jabatan Perikanan Malaysia kini sedang menjalankan kajian serta usaha untuk melesenkan aktiviti memancing di negara ini. Selain bertujuan untuk mengawal dan memulihara sumber perairan Malaysia, ia juga bagi meningkatkan tahap keselamatan para pelancong pemancing.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)
SOALAN 16 (A220)**

Minta kerajaan menyatakan adakah menjadi syarat calon-calon Ketua Kampung yang dipilih mesti menjadi ahli mana-mana parti kerajaan Pakatan Harapan?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor melaksanakan pelantikan Ketua Kampung berdasarkan Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 3 Tahun 2018 (Dasar Perjawatan Ketua Kampung Negeri Johor). Tiada sebarang penetapan syarat calon perlu dilantik di kalangan ahli parti Kerajaan Pakatan Harapan.

Terdapat sebelas (11) kriteria pelantikan yang digariskan di dalam Pekeiling Am yang berkuatkuasa. Antara kriteria pelantikan tersebut adalah seperti berikut:

1. Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan berketurunan Melayu kecuali kampung-kampung yang asalnya diketuai oleh Ketua Kampung yang bukan Melayu.
2. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) dari Sekolah Menengah/ Menengah Teknik/ Vokasional atau lain-lain kelulusan yang setaraf dengannya.
3. Kelayakan lain yang seumpamanya, walaupun tidak mempunyai kelulusan seperti (2.2) di atas, tetapi pandai membaca dan menulis serta mempunyai sifat-sifat ketaqwaan pada dirinya, maka permohonan tersebut boleh dipertimbangkan.
4. Bukan dari kalangan Kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat.
5. Umur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak lebih daripada 65 tahun.
6. Bermastautin di kampung berkenaan.
7. Tiada rekod jenayah.
8. Aktif dan cergas dalam gerakan-gerakan, pertubuhan-pertubuhan, persatuan dan kerja-kerja amal serta menunjukkan ketokohan kepimpinan dalam bidang kemasyarakatan.
9. Mendapat kepercayaan dan penghormatan daripada majoriti penduduk kampung.
10. Mempunyai kesihatan fizikal dan mental.
11. Mempunyai sifat-sifat taqwa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB DATUK HAJI MD. OTHMAN BIN HJ. YUSOF (KUKUP)
SOALAN 17 (A137)**

Sebahagian besar tanah di Tanjung Piai adalah di bawah paras laut dan dalam keadaan terancam khususnya apabila berlaku fenomena air pasang besar. Apakah perancangan masa akan datang kerajaan negeri Johor bagi memastikan kawasan-kawasan ini tidak dilimpahi air laut ?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Negeri Johor juga terdedah kepada impak perubahan iklim. Menurut Jabatan Pengairan dan Saliran, 47% daripada pantai di Johor mengalami hakisan manakala hampir 6 % adalah terhakis secara kritikal. Banyak kerja-kerja perlindungan pantai telah dilaksanakan terutamanya di sepanjang pantai barat. Peningkatan aras laut dan aktiviti perkapalan mengancam pantai barat Johor, khususnya berdekatan Tanjung Piai.

Kadar hakisan di Tanjung Piai telah meningkat pada kadar purata 1.5 mm setiap tahun. Kawasan pantai ini telah mengalami hakisan yang teruk selama beberapa dekad walaupun pembinaan struktur pertahanan pantai telah dilaksanakan. Contohnya, tembok batu di sepanjang pesisir Tanjung Piai telah dibuat untuk melindungi Tanjung Piai daripada hakisan yang semakin cepat berlaku. Oleh yang demikian, untuk perancangan masa hadapan adalah penting untuk membangunkan rangka kerja daya tahan Johor yang mengambil kira penilaian risiko dan perancangan adaptasi untuk impak perubahan iklim jangka panjang. Selain itu, pendekatan untuk membangunkan pelan pengurusan persisiran pantai bersepadu untuk seluruh negeri Johor juga boleh diambil.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 18 (A43)**

Berapa banyakkah jumlah bilangan projek bina rumah baru yang telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Johor yang masih belum dilaksanakan di seluruh negeri Johor dan pecahannya mengikut daerah serta apakah punca kelewatan yang melampau ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Bagi tempoh tahun 2016 sehingga tahun 2017, MAINJ telah meluluskan sebanyak 352 pembinaan rumah baru kepada asnaf yang layak di seluruh negeri Johor. Bagi mempercepatkan proses pembinaan rumah bantuan ini, MAINJ telah mengambil keputusan melantik MAIJ Urus Sdn Bhd iaitu anak syarikat MAINJ sebagai panel kontraktor pembinaan rumah bantuan zakat. Pelantikan ini telah dapat mengurangkan karenah birokrasi dan membolehkan pelantikan kontraktor pembinaan rumah dapat dilakukan dengan lebih cepat. Sehingga kini masih terdapat 107 buah rumah yang sedang dalam urusan pembinaan di pihak MAIJ Urus Sdn Bhd.

Antara permasalahan yang dikenal pasti menyebabkan kelewatan ini ialah :

1. Terdapat kontraktor yang dilantik tidak dapat melaksanakan kerja pembinaan disebabkan harga rumah yang rendah di bawah harga pasaran. Pihak pengurusan amat sukar untuk mencari kontraktor yang benar-benar berminat dan berkomitmen untuk membina rumah bantuan ini.
2. Masalah kebenaran menggunakan tapak daripada tuan tanah walaupun telah memberi kebenaran bertulis sebelumnya secara akuan berkanun.
3. Lokasi tapak rumah yang terletak jauh daripada jalan utama dan tiada jalan masuk menyukarkan kontraktor membawa masuk barang-barang pembinaan.
4. Lokasi rumah yang jauh daripada jalan utama juga menyebabkan perlukan kos tambahan bagi pemasangan tiang elektrik dan lauan paip air.

Oleh kerana pembinaan ini telah tertangguh dan lewat dari yang tempoh yang ditetapkan, MAINJ telah mengarahkan MAINJ urus tempoh menyiapkan rumah bantuan ini selewat-lewatnya pada 31 Disember 2018 bagi membolehkan penerima dapat mendiami rumah tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 19 (A148)**

Apakah cara yang akan diguna untuk menyelesaikan masalah pelupusan sampah di kawasan tidak bercukai Pihak Berkuasa Tempatan dan kawasan luar bandar.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, kepesatan pembangunan negara telah menyumbang kepada peningkatan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan oleh isi rumah dan industri. Kira-kira 30,000 tan sisa pepejal telah dihasilkan dalam masa sehari.

Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSPN) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 September 2006 yang bermatlamat untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mampan dan diterima rakyat. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah diwartakan pada tahun 2007 dan diletakkan dibawah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Fokus utama pengurusan sisa pepejal sehingga kini adalah di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang mana di kawasan ini mempunyai pelbagai aktiviti ekonomi dan kepadatan yang tinggi.

Bagi pengurusan masalah pelupusan sampah di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan kawasan tidak bercukai, sehingga kini pihak kerajaan negeri tiada dasar yang khusus bagi sistem pengurusan sampah. Namun begitu, pihak kerajaan negeri sentiasa mengalu-alukan pandangan serta cadangan daripada Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi membantu meneliti perkara ini. Pihak kerajaan juga berharap masyarakat di negeri ini sentiasa mengamalkan prinsip 3R iaitu (reduce, reuse & recycle) bagi memelihara alam sekitar agar sentiasa bersih disamping dapat menjana pendapatan tambahan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 20 (A92)

Aduan daripada masyarakat Kampung Asli Searak Api dan Kampung Asli Tambak Dapur menyatakan bahawa kawasan mereka masih tidak diwartakan sebagai rezab tanah Orang Asli. Apakah tindakan kerajaan Johor berhubung isu ini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kg. Orang Asli Searak Api, Muar terletak di bawah Mukim Lenga, Daerah Muar berkeluasan lebih kurang 27.084 hektar. Jumlah keluarga 20 Ketua isi rumah dan jumlah keseluruhan penduduk seramai 70 orang.

Untuk makluman, status tanah di Kg. Orang Asli Searak Api ini merupakan Tanah Kerajaan, kawasan kediaman dan kawasan pertanian yang ditanam dengan tanaman kelapa sawit serta diteroka secara individu. Permohonan kawasan ini pernah dibuat oleh individu Orang Asli yang berasal dari Kg. Orang Asli Sentosa, Lenga yang dari asalnya permohonan dibuat oleh 6 keluarga Orang Asli.

Pada masa yang sama, **Kg. Orang Asli Tambak Dapur, Muar** yang terletak di bawah Mukim Lenga, Muar berkeluasan lebih kurang 17.00 hektar. Jumlah keluarga 22 Ketua Isi Rumah (KIR) dan keseluruhan penduduk seramai 100 orang.

Kawasan orang asli Tambak Dapur adalah kawasan penempatan dan pertanian orang asli yang telah ada kelulusan tetapi tindakan pewartaan belum disempurnakan.

Terdahulu daripada ini, pewartaan sesuatu kawasan orang asli akan dilaksanakan di bawah Akta Orang Asli 1954 sama ada di bawah Seksyen 6 atau Seksyen 7. Namun demikian, Majlis Mesyuarat Kerajaan dimesyuaratnya pada Januari 2017 telah bersetuju mana-mana tanah yang dipohon untuk dirizabkan sebagai Rizab Orang Asli pada masa akan datang hendaklah diwartakan sebagai "sultanate land" di bawah Enakmen Tanah Kesultanan (Sultanate Land Enactment) 1934. Lanjutan daripada keputusan tersebut, kawasan rizab orang asli Saerah Api, Tambak Dapur dan mana-mana kawasan orang asli yang masih belum diwartakan, akan disemak semula keluasan dan bentuk pelan untuk diwartakan sebagaimana keputusan tersebut dan Pejabat Tanah Daerah Muar dalam tindakan penyediaan pelan warta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 21 (A94)**

Adakah kerajaan bercadang untuk melibatkan semua YB bagi setiap kawasan untuk menyertai proses pentadbiran seperti menganggotai jawatankuasa tertentu untuk masalah setempat sama ada sosial, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan agama.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Secara umumnya, kesemua YB telah terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam proses pentadbiran .

Sebagai Ahli Dewan, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) adalah satu medium terbaik untuk YB ADUN menyampaikan isu dan permasalahan setempat. Setiap jabatan yang hadir akan sebaik mungkin menyelesaikan isu-isu yang timbul di kawasan YB Adun. Sekiranya isu berkenaan tidak dapat diselesaikan diperingkat daerah, permasalahan itu akan dibawa oleh Pegawai Daerah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Johor yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor .

Walau bagaimanapun, YB juga boleh membentuk taskforce Jawatankuasa di peringkat DUN untuk menyelesaikan perkara-perkara yang penting dengan menjemput ketua jabatan diatas, pemain industri mahupun masyarakat setempat. Isu berkenaan boleh dibawa kepada maklumat kerajaan untuk tindakan lanjut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 22 (A76)**

Dalam keadaan ekonomi yang kritikal, penglibatan GLC dalam memberi khidmat kepada masyarakat melalui program CSR dilihat dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara serta memelihara kesejahteraan rakyat. Apakah kadar peratusan yang ditetapkan dari jumlah keuntungan GLC yang harus digunakan bagi tujuan tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Syarikat GLC Johor memainkan peranan yang penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi negeri Johor, melalui pelaburan, perniagaan, perdagangan, hartanah dan sebagainya. Tanggungjawab sosial korporat atau CSR juga memainkan peranan penting untuk kesejahteraan rakyat. Walaubagaimanapun kadar peratusan CSR adalah bergantung kepada keputusan mesyuarat lembaga GLC berdasarkan asas keuntungan syarikat. Sebagai contoh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) tiada penetapan khusus bagi peratusan kebolegunaan hasil dari nilai keuntungan bagi sesebuah program CSR. Namun PAJ akan sentiasa menyokong dan komited terhadap sebarang penglibatan kepada program CSR sekiranya diberi peluang. Sebagai contoh PAJ membantu dalam aktiviti-aktiviti CSR melalui penajaan perkhidmatan bas dan 'shuttle' kepada program anjuran kerajaan, sekolah dan rakyat di Johor.

Bagi Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (KPYPJ), syarikat melaksanakan program CSR melalui Program Sekolah Angkat sebanyak 50 buah sekolah. Peruntukan bagi program CSR ini adalah 2 peratus daripada bajet tahunan.

Bagi J-Biotech, program CSR lebih menjurus kepada aktiviti melestarikan alam sekitar. Anak syarikat J-Biotech telah membangun Pusat Baja Johor (PBJ) yang bertindak memproses baja organik daripada sumber biojisim dan sisa kelapa sawit. Sebuah fasiliti pemprosesan di Bandar Tenggara, Kota Tinggi sebagai Projek Perintis telah dibuka. Langkah ini membantu usaha pemantapan pengurusan sisa pertanian menerusi program kitar semula sisa kepada produk baja berasaskan bio di fasiliti PBJ masalah lalat serta pencemaran air dan bau yang terhasil dari sisa ternakan dan pertanian di sekitar Negeri Johor dapat dikurangkan dengan wujudnya PBJ. Bagi tahun 2018, nilai CSR bagi J-Biotech melebihi RM500 ribu.

Bagi PDT jumlah keuntungan Permodalan Darul Takzim (PDT) pula yang digunakan bagi tujuan khidmat kepada masyarakat (CSR) adalah dalam anggaran 66% daripada jumlah keuntungan tahunan PDT.

Bagi tahun 2017, KPRJ telah membelanjakan 35% daripada keuntungan sebelum cukai syarikat untuk projek-projek CSR.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 23 (A202)**

Sila nyatakan jumlah upah tahunan lembaga pengarah dan CEO untuk 10 buah GLC kerajaan Johor yang terbesar dari segi aset, seperti Johor Corporation, Yayasan Pelajaran Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Upah tahunan Lembaga Pengarah dan CEO Johor adalah berbeza mengikut keputusan ahli Lembaga Pengarah, enakmen syarikat mahupun akta yang berkaitan. Bagi Perbadanan Awam Johor (PAJ) pihak pentadbiran telah melantik seramai lapan (8) orang Ahli Lembaga Pengarah dan seorang Ketua Pegawai Eksekutif di Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ). Jumlah upah tahunan 8 orang Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) adalah sebanyak RM300,400.00.

Bagi Kumpulan Pendidikan YPJ bayaran honorarium kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada prestasi syarikat dan harus mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Contohnya pada tahun 2017 bayaran honorarium bagi Pengerusi dan 7 orang ahlinya berserta gaji Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KPYPJ adalah lebih kurang RM240 ribu.

Bagi J-Biotech sehingga 31 Disember 2017, sebanyak RM47,200 sahaja jumlah upah tahunan yang dikeluarkan oleh syarikat J-Biotech kepada seramai 8 orang lembaga pengarah. Manakala bagi tahun 2018, sebanyak RM1,700 sahaja jumlah tahunan kepada lembaga pengarah yang dikeluarkan oleh anak syarikat J-biotech.

Upah bagi Ahli Lembaga Pengarah Permodalan Darul Takzim (PDT) adalah dalam lingkungan RM24,000 sehingga RM48,000 setahun. Manakala bagi upah Ketua Eksekutif dan Pengurusan PDT berdasarkan kajian yang dijalankan oleh konsultan sumber manusia bertauliah (Advance HR Resources) upah bagi Ketua Eksekutif dan Pengurusan PDT adalah dibawah skala gaji sektor perkilangan dan jauh lebih rendah berbanding sektor perkhidmatan korporat.

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation pula layak untuk mendapat elaun tahunan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 11, Enakmen Johor Corporation Bil.4 Tahun 1968 (Pindaan No. 5 Tahun 1995) . Jumlah elaun tahunan bagi seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan 9 orang ahli lembaga pengarah adalah RM1,665 juta setahun.

Upah bagi 6 Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif KPRJ adalah sebanyak RM840,000.00 setahun. Walau bagaimanapun, laporan lengkap prestasi kewangan syarikat GLC boleh didapati di Laporan Tahunan kewangan syarikat dengan terus merujuk kepada GLC berkenaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 24 (A41)**

Nyatakan apakah perancangan kerajaan Negeri untuk memujuk/membantu mangsa-mangsa banjir yang tinggal di kawasan rendah supaya berpindah ke kawasan perumahan baru tawaran kerajaan Negeri yang bebas daripada banjir.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Banjir merupakan bencana alam yang menyebabkan kerugian besar kepada negara dan negeri. Merujuk kepada bentuk muka bumi negeri Johor yang rendah dan pamah, kebarangkalian untuk berlaku banjir di negeri Johor adalah tinggi. Antara punca utama berlakunya banjir di negeri ini adalah disebabkan berlaku hujan lebat dan juga peningkatan air laut pasang serta saluran-saliran yang tidak dapat menampung jumlah air yang banyak dalam satu-satu masa.

Kawasan yang sering ditenggelami air adalah di daerah Kluang, Batu Pahat, Segamat, Kota Tinggi dan Mersing. Adalah sukar untuk pihak kerajaan memindahkan semua penduduk yang sering menjadi mangsa banjir ke satu penempatan yang baru. Namun, pihak kerajaan akan mempertimbangkan sekiranya terdapat keperluan untuk perpindahan ke kawasan baru. Sebagai contoh, bagi penduduk di Kampung Sri Cahaya dan Parit Salam daerah Kluang dan kampung Tembiah, Kampung Makam, Kampung Kelantan, Kampung Panti, Kampung Berangan dan Kampung Batu 25 di daerah Kota Tinggi yang telah dipindahkan ke penempatan baru. Kerajaan persekutuan bersetuju untuk membiayai 2/3 kos pembinaan rumah dan selebihnya akan dibiayai oleh pemilik rumah secara ansurans sebanyak RM 100 sebulan. Selain itu, Kawasan penempatan baru juga dilengkapi dengan kedai, surau, dewan dan tadika.

Kerajaan juga sentiasa komited untuk mencari alternatif menyelesaikan atau mengurangkan risiko terjadinya banjir dan menjadikan kawasan yang terlibat sesuai untuk diduduki. Satu kajian Pelan Tindakan Banjir Negeri Johor telah siap pada tahun 2017 yang bertujuan untuk mengenalpasti lokasi banjir, mencari punca dan menyediakan cadangan penyelesaian. Menerusi pelan tersebut, beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan risiko banjir. Antaranya adalah Rancangan

Tebatan Banjir, membina kolam takungan, rumah pam, pelebaran sungai dan terusan. Selain daripada projek berbentuk struktur, perancangan berbentuk bukan struktur juga diambil kira seperti perancangan pembangunan yang lebih lestari di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 9 DISEMBER 2018**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 25 (A99)**

Apakah perkembangan dan status pelaksanaan dana inklusif yang diperuntukkan bagi kaum India semasa kerajaan Barisan Nasional dimaklumkan sebelum PRU 14?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Program Inklusif Masyarakat India telah bermula pada tahun 2015. Peruntukan yang diberi meliputi Bantuan Kebajikan, Bantuan Pendidikan, Bantuan Keusahawanan dan Bantuan Baikpulih SJKT. Pemberian bantuan dibuat melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim bagi Bantuan Kebajikan, Perbadanan Usahawan Johor bagi Bantuan Keusahawanan, Yayasan Pelajaran Johor bagi Bantuan Pendidikan dan Unit Pembangunan Pejabat Menteri Besar Johor bagi Bantuan Baik pulih SJKT.